

15 MAY 1996

Mahathir-Multimedia

INSENTIF BAGI PELABUR ASING DALAM KORIDOR MULTIMEDIA

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 15 Mei (Bernama) -- Malaysia akan menawarkan pengecualian cukai antara lima dan 10 tahun dan banyak lagi insentif lain untuk menarik pelabur asing menempatkan operasi mereka di Koridor Super Multimedia (MSC) yang dirancangkan penubuhannya di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan sedang mengkaji untuk mengadakan pelbagai jaminan kepada pelabur asing supaya mereka dapat memaksimumkan pelaburan mereka di MSC itu.

Undang-undang juga akan dikuatkuasakan untuk melindungi harta intelektual mereka dalam usaha menggalakkan kreativiti, katanya.

Beberapa syarikat telegraf dan telefon yang sudah terkenal sedang merancang untuk menempatkan operasi antarabangsa mereka di MSC itu yang bertempat di koridor 600 km persegi di selatan ibu negara Malaysia, katanya.

Dr Mahathir berucap pada perhimpunan 400 pemimpin korporat Jepun di sini pada majlis penerangan mengenai MSC Malaysia. Majlis itu dianjurkan oleh satu daripada firma telekomunikasi terkemuka Jepun, Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT).

Sambil mempelawa kalangan industri Jepun menyertai MSC itu, Dr Mahathir berkata Malaysia juga akan menghapuskan halangan dalam prosedur imigresen untuk kemasukan pakar asing dan melonggarkan sekatan pekerjaan bagi pengambilan dan pemecatan petugas.

Pada masa yang sama, kerajaan sedang mengkaji cara untuk memperolehi sumber tenaga manusia yang mencukupi dan berkemahiran melalui pendidikan multimedia dan maklumat.

Jaminan yang akan diberikan termasuk peruntukan bagi memastikan adanya infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia supaya semua perkara perlu dan perkhidmatan sokongan akan didapati oleh pelabur.

"Semua insentif ini diwujudkan ke arah menjadikan MSC tempat paling menarik untuk bekerja daripada segi fizikal, persekitaran dan budaya bagi semua yang bidang yang berkaitan dengan multimedia," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga mempunyai banyak kekuatan lain lagi untuk menjadikan MSC sebagai pusat pemangkin multimedia utama -- kestabilan politik, kelebihan kos, kumpulan jurutera mahir yang semakin bertambah, hubungan budaya dengan semua negara perindustrian baru (NIE) dan penduduk pelbagai bahasa yang membolehkan Malaysia memberi perkhidmatan kepada Timur dan Barat sebagai pusat multimedia.

"Di samping itu, Malaysia mempunyai keazaman politik untuk mengubah mana-mana undang-undang sedia ada yang mungkin menjejaskan kepantasan zaman maklumat baru," kata Dr Mahathir.

Undang-undang lama yang meliputi komunikasi perlu dikaji semula untuk disesuaikan dengan persekitaran baru multimedia, katanya.

Beliau berkata sejarah Malaysia sejak mencapai kemerdekaan telah menunjukkan unsur konsistensi dan kebolehjangkaan supaya pelaburan jangka panjang tidak akan terancam oleh keadaan politik yang mudah berubah-ubah.

Nukleus MSC akan dibentuk daripada tiga projek mega ultra-modern -- Kuala Lumpur City Centre yang serba lengkap dan bersepadu yang akan mempunyai infrastruktur telekomunikasi terbaru, Putrajaya, pusat pentadbiran baru elektronik kerajaan persekutuan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang yang akan menjadi antara lapangan terbang termoden dunia dan pusat penting bagi Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata terdapat tanah yang mencukupi antara ketiga-tiag

pusat itu untuk industri antarabangsa menubuhkan ibu pejabat untuk mereka bentuk dan memajukan perkakasan dan perisian multimedia dengan menggunakan rangkaian komunikasi yang akan disediakan.

MSC itu akan menempatkan industri bercorak intensif pengetahuan dan intensif maklumat, jenis akan akan menggerakkan rantau Asia-Pasifik ke dalam zaman maklumat.

Industri multi-media pertumbuhan tinggi masa depan seperti pembuatan dan pemprosesan operasi kawalan jauh, pembangunan semikonduktor, pembelajaran jarak jauh, perumusan bersepadu dan penyelesaian komunikasi, semuanya boleh ditempatkan di MSC itu, kata Dr Mahathir.

Malaysia juga telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) pada 1994 untuk menggubal dasar bagi memajukan teknologi maklumat dan ia telah memperakukan penubuhan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan di MSC itu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi NITC berkata kerajaan telah meluluskan perutusan permulaan RM30 juta bagi MDC yang sedang menimbang untuk mengadakan pejabatnya di seluruh dunia untuk memasarkan MSC.

NITC sedang menubuhkan panel penasihat kebangsaan untuk membantu memandu negara bagi menyiapkan diri dengan semua infrastruktur yang diperlukan.

Panel itu telah dijemput menyertai Pameran Multimedia Asia '96 yang pertama di Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Ogos, yang akan mendedahkan MSC Malaysia kepada dunia.

Dr Mahathir berkata pertubuhan lain di Amerika Syarikat dan Eropah juga sedang merancang penubuhan taman multimedia dan bandar raya pintar masing-masing.

"Malaysia boleh mempelopori usaha itu di rantau Asia Pasifik dan menawarkan kepada kalangan industri Jepun peluang untuk meluaskan perusahaan mereka sambil meningkatkan keuntungan dan produktiviti," katanya.

President NTT Masashi Kojima dan pakar perunding yang terkenal di dunia, Kenichi Ohmae adalah antara mereka yang hadir. Kojima memberi ucapan aluannya manakala Ohmae, yang juga Penasihat kepada NITC bercakap mengenai strategi korporat multimedia sebelum Dr Mahathir berucap.

Dr Mahathir sedang berada di sini untuk lawatan kerja selama enam hari dan dijadualkan ke Amerika Syarikat pada 18 Mei. -- BERNAMA

TCL NMO